

# 'Raja Aman tidak menderhaka'

19/2/88

SEREMBAN, Khamis — Raja Aman tidak pernah mencipta Jural Telaga Undang tetapi hanya sekadar menulisnya sahaja sejar dengan kedudukannya sebagai seorang 'Malay Writer' (Setiausaha) kepada Residen British.

Sekumpulan anak-anak Waris di Darat hari ini berkata tidak ada seoranganpun Undang Luak Sungai Ujong yang pernah menjatuhkan hukuman 'derhaka' kepada Raja Aman.

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, jurucakap mereka yang mendakwa mewakili sebilangan besar anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir menjelaskan tidak ada sebarang Terombo atau Salasilah Keturunan Waris Negeri Luak Sungai Ujong yang menganggap Raja Aman sebagai 'penderhaka'.

"Malah bapa Raja Aman, Raja Hussin ialah seorang anak Waris Kelana (Undang) daripada Perut Hillir yang bergelar

"Perjanjian itu disahkan oleh Datuk Kelana Syed Abdul Rahman dan Datuk Shahbandar Haji Ahmad serta disaksikan oleh Residen British ketika itu, W A Pickering.

"Oleh itu, dakwaan bahawa Raja Aman Raja Hussin kononnya seorang 'penderhaka' kepada Luak Sungai Ujong" adalah tidak berasas sama sekali dan ia sebenarnya adalah satu tohmahan semata-mata," katanya.

## Tohmahan

Jurucakap itu menambah keturunan sebelah ibu Raja Hussin sehingga ini masih menerima elaan Waris Kelana daripada Kerajaan Negeri Sembilan dan ini sekaligus membuktikan bahawa keturunan Raja Hussin tidak pernah dianggap sebagai 'penderhaka'.

Di samping itu, adik lelaki Raja Hussin, Raja Sulong pernah menyangkal pesaka Tua Waris

wa Raja Aman Raja Hussin bukannya 'penderhaka' kepada Luak Sungai Ujong' dan dia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan isu 'penjualan Semenyih dan Klang kepada Selangor'.

"Kami juga berharap pihak yang baru-baru ini membuat dakwaan bahawa Raja Aman kononnya 'penderhaka' supaya mengemukakan segala keterangan lanjut bagi menyokong dakwaan mereka.

"Sebaliknya, mereka hendaklah segera menarik balik dakwaan itu dan seterusnya memohon maaf kepada keturunan Raja Aman jika mereka gagal berbuat demikian," ujarnya.